mStar

Urban·Versatil



1 Apr 2021

Blok kosong dijadikan asrama sementara... tiga sekawan demam nampak kelibat misteri buat persembahan pukul 1 pagi

Aman tak menyangka kisah seram
didengar daripada pelajar senior
akhirnya terjadi kepada dirinya sendiri.

Mereka yang pernah menetap di asrama paling tidak, pasti pernah terdengar pelbagai kisah seram turun-temurun di tempat penginapan masing-masing; ada di antaranya benar dan ada pula sekadar kisah dongeng bagi menakut-nakutkan pelajar baharu.

Begitu juga pada Aman, sejak bertukar ke sebuah sekolah berasrama penuh di Utara Tanah Air, pelbagai kisah sampai di telinganya namun, tidak pernah mengambil serius akan perkara berkenaan.

Antara kisah popular yang disampaikan oleh pelajar senior ialah mengenai bangunan asrama lama di sekolah berkenaan yang menyimpan 1,001 kisah pelik dan seram sehingga ia dibiarkan kosong tanpa berpenghuni.

Disebabkan ia sudah lama ditinggalkan, ada pihak mendakwa ada benda menumpang di bangunan tersebut malah, ada individu pernah terlihat kelibat merayau-rayau di sekitar kawasan asrama itu.

“Jujurnya saya bukan percaya sangat perkara-perkara mistik dan pelik. Apabila senior bercerita, saya cuma menganggap ia sekadar cubaan menakut-nakutkan kami.”

Aman serik tidur di atas katil double decker selepas mengalami pengalaman ngeri.

“Saya hanya dengar, tetapi ibarat masuk telinga kanan keluar telinga kiri.” katanya.

Beberapa minggu menetap di asrama itu, Aman memberitahu, pihak pengurusan memaklumkan semua pelajar di bloknya perlu berpindah sementara waktu di bangunan lama tersebut bagi membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan di blok yang digunakan.

Ketika berpindah sementara ke blok kosong itu, terdetik dalam hatinya mengenai kisah yang diceritakan oleh senior tentang bangunan itu! Aman mengakui perasaan berdebar mula dirasainya namun, dia tidak mahu terlalu mengikut perasaan.

"Pada hari kami berpindah, semua pelajar ditugaskan untuk membersihkan kawasan asrama. Selain itu kami dikehendaki membawa barang-barang keperluan memandangkan di bangunan itu sudah lama tidak berpenghuni."

Aman : Saya tarik selimut dengan badan menggeletar dan tanpa disedari saya terkencing di atas tilam kerana berasa terlalu takut.

"Meskipun pelbagai cerita kurang enak tentang asrama itu, tapi *alhamdulillah* bangunan tersebut sebenarnya dalam keadaan baik biarpun ia agak jauh daripada asrama lain, cuma perlu bersihkan habuk dan sawang." katanya.

Aman memberitahu, dia bersama dua sahabatnya ditempatkan di sebuah bilik yang mempunyai dua buah katil dua tingkat dan, mereka bertiga gembira kerana ditempatkan dalam bilik yang sama.

“Saya pilih katil belah atas bahagian kiri. Kawan saya ambil bahagian bawah. Katil satu lagi pula kawan saya pilih untuk tidur di bahagian atas.”

“Malam pertama di situ, kami berasa agak tidak selesa kerana kipasnya tidak berfungsi dan mungkin disebabkan ia tempat baru, jadi kami belum dapat biasakan diri.” ceritanya.

Aman memberitahu, walaupun cuaca agak panas malam itu, mereka akhirnya tertidur.

Disebabkan keadaan panas kerana cuaca dan masalah kerosakan kipas, Aman terjaga sekitar pukul 1:00 pagi dalam keadaan berpeluh-peluh dan, selepas itu dia tidak boleh melelapkan matanya.

Kelibat wanita yang muncul di hadapannya membuatkan Aman terkencing di atas katil ketakutan.

“Ketika saya termenung seorang diri, saya rasa macam ada benda sedang perhatikan saya daripada katil bawah yang kosong tu macam ada kelibat.”

“Tiba-tiba saya rasa seram... perasaan yang belum pernah saya rasa sebelum ini...”

“Dalam samar-samar, saya tarik selimut kerana tidak mahu terlihat benda-benda yang mungkin membuatkan saya berasa takut.” imbaunya.

Ketika cuba menenangkan diri, Aman terdengar suara seseorang seperti sedang menyanyi di tepi telinganya namun, dia cuba mengawal perasaannya dan bertenang.

Aman memberitahu, ketika itu badannya terus berpeluh dek kerana perasaan takut namun, dia memberanikan diri untuk melihat dari mana datangnya suara tersebut?

“Tergamam saya apabila suara seseorang menyanyi itu datang daripada katil yang kosong berkenaan dan jelas kelihatan kelibat seorang wanita sedang menari sambil menggerakkan tangannya, berwajah pucat dan, matanya menakutkan.”

“Saya tarik selimut dan badan menggeletar. Tanpa disedari saya terkencing di atas tilam kerana berasa terlalu takut sambil mulut terkumat-kamit membaca segala surah yang saya tahu.” ujarnya.

Aman memberitahu, suasana tiba-tiba menjadi sunyi namun, dia sekali lagi terkejut apabilå sahabatnya terjaga dan memanggil namanya.

Aman berselubung di dalam selimut kerana takut.

Melihat keadaannya dalam ketakutan, rakannya itu bingkas bangun membuka lampu dan terkejut melihat wajahnya serta katil basah.



“Rupa-rupanya kawan saya juga mendengar suara wanita itu tetapi, hanya berdiam diri sebelum memberanikan diri untuk bangun apabilå mendengar suara saya terketar-ketar membaca ayat *al-Qurán*.”

“Kami bertiga ambil keputusan untuk menumpang di bilik rakan yang lain kerana ketakutan sehingga tidak sedar saya sudah terkencing di atas tilam.” katanya.

Sepanjang malam itu kata Aman, dia tidak boleh melelapkan mata dan, mereka bertiga mengalami demam kira-kira seminggu sehingga pihak warden terpaksa memanggil ustaz untuk memulihkan semangat masing-masing.

“Dalam saya tak percaya, ia berlaku kepada diri saya, tetapi saya anggap usikan itu mungkin kerana kami telah masuk ke tempat tinggalnya memandangkan asrama itu sudah lama tiada penghuni.” ujarnya. – *mStar*